KOSMO 3/7/14

# Mahasiswa UniSZA turun padang dekati masyarakat

**GOTONG-ROYONG.** Seramai 100 orang mahasiswa dari Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu menyertai program Komuniti UniSZA Bersamamu di Kampung Padang Nenas, Kuala Nerus, Kuala Terengganu baru-baru ini.

Pengarah program Komuniti UniSZA Bersamamu, Mohammad Hatta Bakar berkata, program berkenaan diadakan bertujuan untuk mendekatkan diri warga universiti dengan masyarakat.

**Komuniti Kita**

Gambar dan berita yang disiarkan dalam *Komuniti Kita* kini boleh diakses di laman web www.kosmo.com.my.

"Pelbagai program turut diadakan seperti gotong-royong Ihya Ramadan membersihkan kawasan masjid dan tanah perkuburan, pameran oleh agensi-agensi kerajaan, pemeriksaan kesihatan, sukaneka dan pertandingan mewarna," katanya.

Di samping itu, program itu turut dimeriahkan lagi dengan Forum Perdana Hal Ehwal Islam bertemakan *Merindui Ramadan*.



**PELAJAR UniSZA dan penduduk kampung menghadiri forum perdana yang diadakan sempena program Komuniti UniSZA Bersamamu di Kampung Padang Nenas, Kuala Terengganu baru-baru ini.**